



## KEMENTERIAN PELAJARAN DAN INOVASI

Aras Bawah, 6, 8-11 dan 13, Wisma Bandaraya  
Jalan Masjid Lama  
88000 KOTA KINABALU

Tel. No.: 088-288333 Faks No.: 088-269071

Rujukan Kami: K-Pi:/KIT : 800-1/3 KLT. 2 ( 39 )

Tarikh: 1 Februari 2019

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah

### **PEKELILING KEMENTERIAN PELAJARAN DAN INOVASI BIL.1/2019 – PENGUNAAN DAN KESELAMATAN AKAUN E-MEL RASMI KERAJAAN NEGERI SABAH**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memantapkan penggunaan dan keselamatan akaun e-mel rasmi Kerajaan Negeri Sabah.

#### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Selaras dengan pelaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik Sabah pada tahun 1997, salah satu kemudahan rasmi kritikal adalah perkhidmatan Mel Elektronik atau e-Mel. Semua penjawat awam Kerajaan Negeri pada dasarnya akan diberi akaun e-Mel rasmi kerajaan. E-Mel adalah kemudahan komunikasi yang penting dan pantas bagi menyokong kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Justeru itu adalah tanggungjawab penjawat awam untuk memastikan penggunaan dan keselamatan akaun e-Mel masing-masing.

#### **3. PENULARAN AKTIVITI SPAM DAN PHISHING**

- 3.1 Sejak kebelakangan ini, berdasarkan pemantauan yang dilakukan oleh pihak SabahNet, didapati aktiviti *Spam* dan *Phishing* semakin meningkat dalam Sistem Rangkaian SabahNet. Dari bulan Disember 2018 hingga awal Januari 2019 sahaja, sebanyak 3.1 juta e-Mel *Spam* dikenalpasti. Jika tidak dibendung, bilangan *Spam* akan terus meningkat dan secara langsung menggugat kelancaran Sistem Rangkaian SabahNet.
- 3.2 Secara ringkas, *Spam* adalah penghantaran e-Mel yang sama secara pukal. Pada lazimnya *Spam* menjadi gangguan apabila ia mengkompromi privasi penerima kerana e-Mel *Spam* adalah tidak dijangka dan tidak relevan kepada penerima. E-Mel *Spam* juga berisiko mengandungi perisian hasad (*malware*)

yang boleh membenamkan diri ke dalam sistem komputer dan rangkaian. *Phishing* adalah kaedah penggodam sistem komputer untuk memperolehi maklumat peribadi seperti nama pengguna, kata laluan atau nombor pin daripada pengguna. Pada lazimnya kaedah *Phishing* adalah dalam bentuk emel yang kelihatan sah dan dikirim melalui cara *Spam*.

#### 4. LANGKAH MENANGANI

- 4.1 Penularan aktiviti *Spam* dan *Phishing* membawa kesan negatif kepada keutuhan keselamatan dan prestasi sistem rangkaian. Namun perkara ini dapat dibendung dengan beberapa amalan seperti berikut:
  - 4.1.1 Pastikan sistem komputer dipasang dengan perisian antivirus yang dibenarkan dan sentiasa mutakhir.
  - 4.1.2 Sentiasa berwaspada terhadap e-mel tidak dijangka terutamanya yang mempunyai lampiran (*attachment*) mencurigakan biarpun dari penghantar yang dikenali.
  - 4.1.3 Jangan buka sebarang lampiran dalam e-Mel jika ia menimbulkan keraguan.
  - 4.1.4 Simpan maklumat sulit akaun e-Mel seperti kata laluan dan lain-lain maklumat sulit dengan rapi dan jangan kongsi melalui e-Mel atau sistem mesej elektronik yang lain.
  - 4.1.5 Sentiasa menukar kata laluan e-Mel dan guna kata laluan yang sukar untuk diteka.
  - 4.1.6 Hadkan subjek e-Mel kepada hal-hal rasmi sahaja. Elakkan daripada menghantar atau mengirim e-Mel yang tiada kaitan dengan tugas rasmi.
  - 4.1.7 Elakkan daripada mengguna akaun e-Mel rasmi untuk mendaftar di mana-mana laman sesawang bukan kerajaan atau untuk tujuan tidak rasmi. Ini adalah untuk mencegah akaun e-Mel rasmi disalahguna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

#### 5. RUJUKAN TAMBAHAN

- 5.1 Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003: **Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet Dan Mel Elektronik Di Agensi-Agensi Kerajaan.**

## 6. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

- 6.1 Pemantauan terhadap sistem e-Mel Kerajaan Negeri Sabah akan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan isu *Spam* dan *Phishing* dicegah dan ditangani dengan segera. Adalah tanggungjawab semua pihak untuk mengelak daripada menjadi punca *Spam* dan *Phishing*.
- 6.2 Sekiranya terdapat akaun e-Mel yang didapati sebagai punca kepada aktiviti *Spam* dan *Phishing*, operator Sistem Rangkaian SabahNet diberi kuasa untuk menyahaktifkan akaun e-Mel yang terbabit sehingga akaun tersebut bersih daripada punca sebenar dan/atau pengguna akaun e-Mel tersebut menghentikan aktiviti yang tidak bertanggungjawab terutama *Spam*.

## 7. BANTUAN TEKNIKAL

- 7.1 Sebarang kemusykilan, permohonan bantuan atau aduan berkenaan e-Mel, sila hubungi Kumpulan Sokongan IT yang bertanggungjawab terhadap agensi masing-masing.
- 7.2 Aduan atau pertanyaan juga boleh disalurkan terus kepada pihak SabahNet:

SabahNet Customer Service Department  
Hotline 24-Jam : 088-234101/016-833-1200  
e-Mel: csd@sabah-net.com

## 8. TARIKH KUATKUASA

- 8.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.



**BRUNO VUN**  
Setiausaha Tetap

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
**KOTA KINABALU**

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
**KOTA KINABALU**